



---

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS HARI INOVASI  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
TAHUN 2016**

Tarikh : 27 Oktober 2016, Khamis  
Masa : 11.30 pagi  
Tempat : Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid,  
Kementerian Kerja Raya

---

**“MEMBUDAYA INOVASI, MEREALISASI TRANSFORMASI”**

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis

Yang dihormati

/ YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

/ YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

/ YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

/ YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah  
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg Dato'–Dato', Datin–Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Sehati Sejiwa dan Salam 1Malaysia.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2016 yang diadakan pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2016. Ini merupakan hari kemuncak bagi kita meraikan kejayaan kepada semua pemenang anugerah inovasi yang bakal diumumkan sebentar nanti. Kejayaan yang mencerminkan komitmen warga Kerja Raya dalam usaha untuk menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Syabas dan tahniah kepada bakal pemenang. Kepada yang tidak terpilih pada tahun ini, tahniah dan terima kasih kerana telah turut sama memberikan sumbangan dalam peningkatan terhadap kreativiti dan inovasi. Saya berharap agar pengiktirafan yang diterima akan memberi suntikan semangat kepada pemenang anugerah untuk menghasilkan inovasi yang boleh mengharumkan nama Kementerian sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

## “MEMBUDAYA INOVASI, MEREALISASI TRANSFORMASI”

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam mengharungi perjalanan ke arah merealisasikan Wawasan 2020 serta mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu dalam masa empat tahun lagi, begitu banyak cabaran yang dihadapi oleh negara yang turut memberi kesan kepada perkhidmatan awam. Cabaran – cabaran tersebut antaranya adalah ketidaktentuan ekonomi global yang menyaksikan ketidakstabilan dalam pasaran kewangan dunia dan memberi kesan kepada nilai mata wang dan juga kejatuhan harga minyak mentah dunia. Namun menurut Bank Negara Malaysia, rizab antarabangsa negara adalah berjumlah RM405.6 bilion (bersamaan dengan USD97.8 bilion) pada 14 Oktober 2016.

Ketidaktentuan global dan cabaran – cabaran ini sudah tentu menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam menghasilkan perkhidmatan yang dapat memenuhi ekspektasi rakyat. *Do more with less*. Namun begitu, kita juga tidak harus melupakan bahawa telah banyak inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan tahap kecekapan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam dan juga usaha – usaha bagi menangani cabaran – cabaran yang telah dinyatakan tadi. Sepertimana diketahui umum, semua inisiatif – inisiatif tersebut adalah berada di bawah ‘falsafah rakyat didahulukan pencapaian diutamakan’ yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri beberapa tahun lalu. Antara contoh lazim adalah seperti melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu inisiatif Pusat Transformasi Bandar atau UTC dan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC dan juga pengenalan 1MOCC atau *1Malaysia One Call*

*Centre* bagi memudahkan hubungan rakyat dengan pihak penjawat awam tanpa mengira jabatan dan kawasan.

4. Kepentingan inovasi telah digariskan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang mana inovasi adalah merupakan elemen penting dalam agenda pembangunan negara kerana ia meningkatkan produktiviti dan daya saing untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Selain itu, dalam zaman dan persekitaran yang serba kompetitif ini, kita tidak boleh berdiam diri dan berpuas hati dengan keadaan semasa sementara negara – negara lain berusaha untuk meningkatkan tahap produktiviti melalui kreativiti dan inovasi. Dalam erti kata lain, individu mahupun organisasi dan negara yang tidak meletakkan inovasi sebagai agenda utama, akan ketinggalan. Oleh itu, usaha harus dipertingkatkan dan digandakan bagi memastikan negara kita khususnya kekal kompetitif dan berdaya saing.

Untuk memastikan aspek inovasi dalam organisasi atau negara dapat bergerak ke hadapan, antara perkara penting yang memberi kesan utama adalah ekosistem inovasi yang wujud atau yang disediakan dalam organisasi atau negara tersebut. Dalam RMKe-11 aspek ini diberi penekanan yang mana pendekatan baharu akan diterokai untuk menangani kelemahan ekosistem inovasi, memperbanyakkan inovasi serta meningkatkan pulangan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan dan inovasi (R&D & C&I). Apabila bercakap mengenai inovasi dalam konteks perkhidmatan awam, sudah tentulah ianya akan berkait rapat dengan penjawat awam yang sememangnya terlibat secara langsung dalam mengerakkan agenda inovasi di organisasi masing-masing. Agenda inovasi pula berkait rapat dengan agenda transformasi perkhidmatan awam. Justeru itu,

perkhidmatan awam memerlukan penjawat awam yang berkaliber, berinovatif, kreatif dan juga berintegriti untuk merealisasikan anjakan paradigma. Pihak pengurusan organisasi juga perlu memainkan peranan bagi mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti. Perubahan sikap bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi perlu bermula daripada pucuk kepimpinan atasan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pencapaian negara di peringkat antarabangsa, melalui pelaporan *Global Competitiveness Report (GCR)* bagi tahun 2015 - 2016, memperlihatkan Malaysia berada di kedudukan ke 18 daripada 140 buah negara berbanding kedudukan ke 20 daripada 144 buah negara pada tahun sebelumnya. Skor Malaysia turut meningkat kepada 5.23 (skala 0-7) pada tahun 2015-2016. Laporan ini mengandungi 3 kategori negara mengikut peringkat pembangunan berdasarkan tahap KDNK per kapita pada kadar pertukaran pasaran. Tiga kategori peringkat tersebut adalah;

- *Factor-Driven* (kurang dari US\$2,000);
- *Efficiency-Driven* (US\$3,000-US\$8,999); dan
- *Innovation-Driven* (lebih dari US\$17,000).

Manakala dalam pelaporan *Global Innovation Index (GII)* bagi tahun 2016 pula, Malaysia berada di kedudukan tangga ke 35 daripada 128 buah negara. Kedudukan ini walau bagaimanapun merupakan penurunan tiga anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, pencapaian – pencapaian tersebut adalah memuaskan

namun ia jelas menunjukkan bahawa masih banyak lagi ruang untuk penambahbaikan dengan mengambil contoh *best practices* daripada negara – negara yang berada di kedudukan yang lebih baik dan dalam kategori negara berpendapatan tinggi.

## **INOVASI KKR**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi. Inovasi yang dihasilkan hendaklah mempunyai nilai tambah, berupaya meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan dan seperti apa yang sering di sebut-sebut oleh YAB Perdana Menteri, boleh dihasilkan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat dan dengan kos yang rendah. Melalui inovasi dan eksploitasi idea baru, tambahan nilai boleh diperolehi dengan menggunakan jumlah modal dan sumber manusia yang sama. Mengimbas kepada pencapaian KKR pula, pelbagai inisiatif yang berinovasi dan memberi faedah kepada rakyat berjaya dihasilkan. Antaranya adalah seperti FTRoadpedia yang mana program Jelajah dan Karnival FTRoadpedia Kementerian Kerja Raya 2016 telah dilancarkan pada 6 Ogos 2016 di Manjung, Perak. Program FTRoadpedia ini bertujuan untuk menyerlah dan menyebarkan peranan sedia ada Jalan Persekutuan sebagai jalan utama kepada semua pengguna jalan raya di negara ini selain mengurus persepsi rakyat dengan memberikan perspektif positif (*refreshing outlook*) terhadap Jalan Persekutuan sebagai jalan utama dan bukannya jalan alternatif sebagaimana persepsi masyarakat kini.

Jabatan Kerja Raya (JKR) pula melalui penyertaan dalam Pameran National Innovation & Invention Competition Through Exhibition (iCompEx) telah berjaya memenangi pingat emas untuk produk Mesin Pencuci Alternatif. Manakala melalui penyertaan dalam pameran inovasi antarabangsa iaitu 27th International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2016 yang telah diadakan pada 12 – 14 Mei 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), sebanyak sembilan penyertaan telah dihantar oleh JKR Malaysia. Dan daripada sembilan penyertaan yang dikemukakan, lima daripadanya dianugerahkan Pingat Emas, tiga projek inovasi dianugerahkan Pingat Perak dan satu pingat gangsa.

JKR juga turut menyertai *International Invention, Innovation Competition in Canada (iCAN)* dan telah berjaya memenangi pingat emas dalam preliminary round dengan produk *Method of Controlling Dehumidification for Cooling Coil*.

Manakala program Jejak Inovasi JKR (JIJ) 2016 adalah merupakan 'pintu masuk' (*gateway*) kepada semua acara inovasi Jabatan dan Kementerian serta acara-acara inovasi dalam dan luar negara. Bermula dari tahun 2014, semua pencalonan kepada Anugerah Inovasi JKR akan dipilih daripada penyertaan Program Jejak Inovasi JKR (JIJ). Secara keseluruhan, penjejakan dan penemuan inovasi di dalam program ini merupakan langkah awal kepada pembangunan inovasi JKR.

7. Pada tahun ini juga, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah menyertai Konvensyen *Innovative and Creative Circle (ICC)* Wilayah anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). LLM telah memperolehi anugerah Emas di Konvensyen ICC Wilayah Utara dan



Wilayah Pantai Timur dan anugerah Perak di Konvensyen ICC Wilayah Sarawak & Sabah. Selain daripada itu, beberapa sistem yang bercirikan inovasi bagi meningkatkan sistem pengurusan dan maklumat tol turut dibangunkan seperti *Tollroads Evaluation and Monitoring System Version 2 (TEAMSV2)* dan Sistem Maklumat Tol atau *Toll Information System (TIS)*.

8. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) juga tidak ketinggalan dalam menjana inovasi. Menerusi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) ianya mampu untuk melonjakkan industri pembinaan negara untuk mencapai kejayaan yang lebih besar. CITP 2016 - 2020 menggariskan 19 inisiatif di bawah empat teras strategik iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kelestarian Persekitaran, Produktiviti dan Pengantarabangsaan. Setiap daripada empat teras strategik itu bertujuan mentransformasi dan menambah baik imej industri pembinaan di dalam negara serta di peringkat antarabangsa.

## **KKR CEMERLANG DAN BERINOVASI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bercakap mengenai kepentingan kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam, kita juga tidak harus lupa bahawa pembangunan modal insan merupakan elemen kritikal dalam mentransformasikan Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Dalam konteks ini, warga Kerja Raya perlu memainkan peranan untuk menerima dan melaksanakan transformasi selaras dengan aspirasi yang telah dinyatakan tadi. Pembudayaan

inovasi dalam KKR harus diteruskan dan dipertingkatkan agar tidak menjadi sekadar slogan tahunan. Pengertian inovasi adalah amat luas dan perlu diterjemahkan dalam seluruh aspek kehidupan yang membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat. Pembudayaan inovasi bermula dari kefahaman penghayatan ilmu yang berkaitan dengan inovasi. Maka adalah menjadi kewajipan kepada Ketua Jabatan untuk melaksanakan penghayatan ilmu dalam kalangan warga kerja untuk meningkatkan serta mengembangkan budaya inovasi tersebut. Ini bermakna setiap warga kerja mesti sentiasa berlumba-lumba untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sebagai teras dalam menjayakan inovasi dan kreativiti. KKR akan menjadi sebuah organisasi yang lebih cemerlang jika semua warga kerjanya mempunyai kemahiran sebagai nilai tambah seterusnya menjadi pemangkin kepada transformasi KKR.

14. Saya amat berharap agar warga Kerja Raya tidak jemu untuk sentiasa berinovasi dan mencari idea – idea baru serta jika boleh kurangkan birokrasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik.

## **PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dan bertungkus lumus untuk menjayakan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2016 ini.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim”, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2016 bertemakan “**Membudaya Inovasi, Merealisasi Transformasi**”.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Sekian, terima kasih.